



Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat

## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

### SIARAN MEDIA

#### MAJLIS PERASMIAN PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI

**PORT DICKSON, 6 OKTOBER 2009** - YB Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Teluk Kemang.

Penubuhan PDK ini adalah bertujuan untuk mengalakkan sikap prihatin, berdikari serta rasa tanggungjawab masyarakat setempat dalam mendidik anak-anak OKU melalui program-program pemulihan OKU yang dijalankan di PDK. Program PDK merupakan salah satu program utama di bawah Kementerian yang terbukti telah mampu memberi manfaat bukan sahaja kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU), malah masyarakat serta ibu bapa yang mempunyai anak atau ahli keluarga dari golongan tersebut juga turut mendapat impaknya.

Usaha terbaru kementerian adalah untuk menjadikan Pusat-Pusat PDK di seluruh negara sebagai Pusat Khidmat Setempat bagi Ketidakupayaan (*One Stop Disability Centre*) yang mana pusat ini akan menyelaraskan perkhidmatan dan juga kemudahan yang disediakan oleh agensi berkaitan seperti diagnosa, rawatan, pemulihan, pendidikan khas, pekerjaan, latihan dan bantuan khusus untuk golongan OKU dan juga masyarakat setempat. Melalui Pusat ini, keperluan pengesanan dan intervensi awal bagi kanak-kanak akan dapat dipertingkatkan agar insiden atau tahap ketidakupayaan dapat dikurangkan. Bagi merealisasikan hasrat ini, kerajaan telah meluluskan pembinaan sebanyak enam Pusat Khidmat Setempat di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9).

Pada tahun 2008, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM72.4juta bagi tujuan pembangunan dan pemantapan, dari segi program pemulihan, pembelajaran dan latihan, peralatan, serta peningkatan elaun pekerja dan penyelia PDK. Bagi tahun 2009, peruntukan untuk membiayai PDK di seluruh negara berjumlah RM60.5juta. Sebanyak RM6.5juta

diberikan kepada 38 buah PDK di seluruh Negeri Sembilan di mana PDK Teluk Kemang menerima RM156,688 bagi kegunaan sepanjang tahun.

Program PDK di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah berlandaskan strategi pembangunan bagi membolehkan golongan OKU menjalani program pemulihan dalam keluarga dan komuniti setempat supaya dapat mengecapi peluang sama rata dan membolehkan mereka diintegrasikan dalam kehidupan berdikari. Program pemulihan dan pembelajaran ini dikendalikan oleh penyelia dan petugas PDK yang terlatih.

Program PDK ini dilaksanakan melalui kerjasama bersepadu semua pihak iaitu OKU sendiri, keluarga, komuniti, pihak swasta, pertubuhan sukarela serta agensi kerajaan yang berkaitan dalam melaksanakan program pencegahan, pemulihan dan pembangunan golongan OKU ke arah kehidupan yang lebih selesa dan sejahtera.

Kini, sebanyak 409 buah PDK di seluruh negara telah ditubuhkan sejak program perintis di Batu Rakit, Kuala Terengganu dilaksanakan pada tahun 1984. Program ini telah berjaya memberi manfaat kepada hampir 17,449 orang OKU pelbagai kategori ketidakupayaan di Malaysia. Seramai 1,496 orang kanak-kanak OKU telah menyertai program PDK di Negeri Sembilan. Sehingga Jun 2009, bilangan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seramai 261,154 orang.

####

Disediakan oleh : Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
Aras 1-6, Blok E, Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana,  
Jalan Dato' Onn, 50515 Kuala Lumpur

No.Telefon : 03 - 2693 0095

Tarikh dikeluarkan : 6 Oktober 2009